

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN GOBIND SINGH DEO [PUCHONG]**

**TARIKH : 7 OKTOBER 2014 (SELASA)**

**SOALAN :**

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong] minta PERDANA MENTERI menyatakan apakah tindakan yang akan diambil oleh Kerajaan selepas keputusan Mahkamah Rayuan dalam kes Teoh Beng Hock.**

**JAWAPAN: YB PUAN HAJAH NANCY SHUKRI**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Pada 5 September 2014, Mahkamah Rayuan telah menyetujui keputusan terbuka oleh koroner berhubung kematian Teoh Beng Hock dengan memutuskan, berdasarkan keterangan yang dikemukakan semasa Siasatan Kematian, terdapat keterangan mengikut keadaan yang menunjukkan bahawa terdapat kecederaan sebelum mendiang jatuh dan bahawa kematiannya adalah disebabkan atau dipercepat oleh orang atau orang-orang yang tidak diketahui.

2. Terdapat dua prosiding berasingan yang telah dibuat berhubung dengan kematian Teoh Beng Hock iaitu Siasatan Kematian (inkues) oleh Koroner dan Suruhanjaya Siasatan Diraja (RCI) bagi menyiasat kematian Teoh Beng Hock. Kesemua keterangan yang dikumpulkan semasa siasatan yang dijalankan oleh pihak polis telah dikemukakan dan diperiksa dengan teliti oleh Koroner dan kemudiannya oleh RCI.

3. Koroner telah memberikan keputusan terbuka (*open verdict*) manakala RCI pula mendapati Teoh Beng Hock telah didorong untuk membunuh diri kerana ditindas secara berpanjangan dan disoal siasat secara agresif oleh 3 orang pegawai Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).

4. Pendakwa Raya akan membuat keputusan untuk mendakwa mereka yang terlibat sama ada di bawah Kanun Keseksaan atau

mana-mana undang-undang lain yang bersesuaian, sekiranya didapati ada keterangan dan bukti kukuh untuk mengaitkan mana-mana pihak semasa siasatan polis pada masa kejadian itu.

5. Walau bagaimanapun, siasatan yang dijalankan oleh pihak polis sebelum ini telah dibuat secara menyeluruh dan siasatan tersebut mendapati bahawa tidak ada orang yang bertanggungjawab secara jenayah (*criminally liable*) berdasarkan bukti yang boleh diterima pakai mengikut undang-undang. Berdasarkan dapatan siasatan yang demikian, Pendakwa Raya telah mengarahkan Siasatan Kematian (inkues) tersebut dijalankan.

6. Berikutan keputusan Mahkamah Rayuan itu, pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM) telah menubuhkan suatu pasukan penyiasatan khas bagi membuka semula kertas siasatan terhadap kes kematian Teoh Beng Hock. Jabatan Peguam Negara akan mengkaji semula dan membuat keputusan setelah siasatan tersebut selesai. Sekiranya keterangan mengikut keadaan didapati kukuh dan mencukupi untuk mewajarkan pendakwaan, maka pendakwaan akan dimulakan.

Sekian, terima kasih.